

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – Bisnes – 2 December, 2013 (A)

MSWG anjur anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat ASEAN



**RITA BENOY
BUSHON**

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG) akan mengadakan majlis anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN edisi 2013 di Pusat Konvensyen Sime Darby pada 16 Disember ini.

Pada majlis itu anugerah akan diberikan kepada syarikat dan individu di bawah pelbagai kategori termasuk Tadbir Urus Korporat Terbaik Keseluruhan yang merangkumi kriteria prestasi dan Ketelusan Tadbir Urus Korporat berdasarkan penzahiran yang dilakukan oleh syarikat senaraian awam

yang diakses menggunakan metodologi Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN.

Anugerah juga akan diberi untuk mengiktiraf syarikat senaraian awam yang mencapai kedudukan teratas pelbagai industri dan juga kategori syarikat bersaiz besar, sederhana dan kecil yang menepati kriteria yang telah ditetapkan.

Acara tahunan

Kami juga akan mengiktiraf usaha individu menerusi anugerah Pengurusi dan Ketua Pegawai Eksekutif 2013, termasuk anugerah bagi Wartawan Tadbir Urus Korporat 2013.

Majlis itu acara kemuncak MSWG bagi tahun ini, lebih-lebih anugerah bagi tahun ini mencerminkan aspek tadbir urus korporat serantau.

Indeks Tadbir-Urus Korporat Malaysia-ASEAN ini bertujuan untuk menyatakan standard tadbir urus korporat dalam kalangan syarikat senaraian di rantau ini serta eko-

sistem masing-masing sebelum pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) tahun 2015.

Apabila dilaksanakan, AEC akan mempunyai hal tuju ekonomi yang mungkin pada suatu hari akan berada setanding atau mampu memberikan saingan hebat kepada blok ekonomi global yang lain, seperti Kesatuan Eropah, Kumpulan G20 atau Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

Dalam konteks ini, Malaysia boleh memainkan peranan utama di dalam pembangunan tadbir urus korporat serta menjadi peneraju utama dunia dalam amalan terbaik tadbir urus korporat sebagai langkah penting sebelum penubuhan komuniti ekonomi ASEAN.

Kami mengalu-alukan semua pihak untuk menghadiri majlis anugerah ini, yang mana penemuan mengenai tahap tadbir urus korporat Malaysia bagi tahun 2013 akan turut dibentang pada dalam majlis itu.